

SULIT

SEJARAH

Kertas 1

Okt./Nov.

1 jam

1249/1



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
NEGERI SEMBILAN

PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN 5
SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH NEGERI SEMBILAN 2023

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 15 halaman bercetak.

[Lihat halaman sebelah


- 1 Maklumat berikut antara ciri negara bangsa Kesultanan Melayu Melaka.

- Kerajaan
- Undang-undang
- Wilayah pengaruh
- X

Apakah X?

- A Hubungan luar
 - B Kesejahteraan sosial
 - C Lambang kebesaran
 - D Kewibawaan pemerintah
- 2 Bagaimanakah rakyat menunjukkan kesetiaan kepada pemerintah pada zaman Kesultanan Melayu Melaka?
- A Menjadi pengayuh kapal perang
 - B Memperkenalkan undang-undang
 - C Mengutip hasil melalui sistem serah
 - D Menjaga keamanan kawasan pegangan
- 3 Mengapakah Mikado Meiji menekankan pemodenan mengikut model Barat ketika melancarkan gerakan pemulihan Jepun?
- A Membentuk satu blok ekonomi
 - B Menaikkan taraf hidup penduduk
 - C Memupuk semangat cinta akan negara
 - D Mendapatkan penghormatan negara luar

- 4 Bagaimanakah golongan intelektual berpendidikan agama membangkitkan kesedaran nasionalisme di Tanah Melayu?
- I Menerbitkan akhbar
 - II Menubuhkan madrasah
 - III Menganjurkan kongres
 - IV Mengadakan perhimpunan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 5 Operasi kod “D-Day” telah dilaksanakan oleh tentera Bersekutu pada bulan Jun 1944.
- Apakah kejayaan operasi tersebut terhadap tentera Bersekutu?
- A Menguasai negara Eropah Barat
 - B Meluaskan pengaruh golongan tentera
 - C Melaksanakan dasar baharu ketenteraan
 - D Membebaskan Perancis dari penaklukan Jerman
- 6 Tokoh berikut terlibat dalam kegiatan anti-Jepun di Tanah Melayu.



Gurchan Singh

Bagaimanakah tokoh tersebut melakukan penentangan terhadap tentera Jepun?

- A Menubuhkan persatuan sekerja
- B Menyertai pasukan keselamatan
- C Membekalkan makanan dan senjata
- D Menyebarkan risalah dan propaganda

[Lihat halaman sebelah

- 7 Bagaimanakah Raja-raja Melayu menyuarakan penentangan terhadap Malayan Union?
- I Menganjurkan Kongres Melayu
 - II Menghantar surat bantahan ke London
 - III Membawa kes ke Mahkamah Tinggi England
 - IV Membuat perjanjian dengan British
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV
- 8 Pada 26 Jun 1946, Syarikat Borneo Utara British (SBUB) menandatangani satu perjanjian dengan kerajaan British untuk menyerahkan Sabah. Mengapakah SBUB bertindak sedemikian?
- A Menyelesaikan kemelut politik
 - B Memenuhi kepentingan British
 - C Memajukan penduduk tempatan
 - D Mengalami masalah pewarisan takhta
- 9 PUTERA-AMCJA mencadangkan Perlembagaan Rakyat sebagai alternatif kepada Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948. Apakah kandungan perlembagaan tersebut?
- A Raja berkuasa mutlak
 - B Kewarganegaraan yang sama
 - C Sultan menjadi ahli Majlis Raja-Raja
 - D Tanah Melayu dan Singapura dipisahkan

- 10 Majlis Perundangan Persekutuan diketuai oleh Pesuruhjaya Tinggi. Apakah bidang kuasa majlis tersebut?
- I Kewangan
 - II Kehakiman
 - III Komunikasi
 - IV Kewarganegaraan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 11 Apakah ideologi yang diperjuangkan oleh komunis?
- A Melaksanakan undang-undang yang tegas
 - B Melindungi nasib golongan pertengahan
 - C Menjadikan ekonomi milik negara
 - D Menjaga kepentingan majikan
- 12 Mengapakah pertubuhan berikut diharamkan di bawah Undang-undang Darurat?
- Angkatan Wanita Sedar (AWAS)
 - Ikatan Pembela Tanah Air (PETA)
- A Menentang Jepun
 - B Berfahaman radikal
 - C Menyokong pentadbiran British
 - D Berusaha menuntut kemerdekaan

[Lihat halaman sebelah

- 13 Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC) telah mencadangkan penubuhan sebuah agensi untuk meningkatkan ekonomi dan pendidikan orang Melayu.

Apakah agensi tersebut?

- A Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN)
- B Institut Latihan Kemahiran Awam (ILKA)
- C Lembaga Pembangunan Industri Desa (RIDA)
- D Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)

- 14 Maklumat berikut berkaitan usaha ke arah mencapai kemerdekaan.

- Persidangan Kebangsaan
- Konvensyen Kebangsaan
- Penubuhan Parti Perikatan

Bagaimanakah usaha tersebut dapat dijayakan?

- A Mengadakan Pilihan Raya Persekutuan
- B Mewujudkan pendidikan kebangsaan
- C Mengadakan kerjasama politik
- D Memperkenalkan Sistem Ahli

- 15 Maklumat berikut berkaitan kerjasama dalam Pilihan Raya Majlis Perbandaran Kuala Lumpur.

UMNO bahagian Kuala Lumpur dan MCA bahagian Selangor mula mengadakan kerjasama dan bergabung.

Apakah kesan kerjasama tersebut?

- A Tertubuhnya parti Perikatan
- B Pembentukan kabinet pertama
- C Penubuhan Majlis Perundangan
- D Terbentuknya Kerajaan Persekutuan

- 16 Apakah kesan penubuhan Majlis Perundangan Persekutuan 1955?
- I Sistem Ahli telah dimansuhkan
 - II Tunku Abdul Rahman sebagai Ketua Menteri
 - III Pesuruhjaya Tinggi British tidak mempunyai kuasa
 - IV Pegawai British mewakili Majlis Negeri
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 17 Mengapakah Parti Islam Se-Tanah Melayu (PAS) mengkritik soal kewarganegaraan dalam draf Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu?
- A Pendidikan negara tidak seragam
B Menggugat kepentingan orang Melayu
C Mengancam kedudukan Majlis Raja-Raja
D Pembentukan kerajaan Persekutuan yang kuat
- 18 Antara berikut, manakah merupakan inti pati yang terdapat dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957?
- I Perpaduan
 - II Kewarganegaraan
 - III Kedudukan agama Islam
 - IV Penubuhan parti politik
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

[Lihat halaman sebelah

- 19 Maklumat berikut berkaitan peristiwa yang berlaku di Stadium Merdeka.

- Menaikkan bendera Persekutuan Tanah Melayu
- Melepaskan 101 das tembakan

Mengapakah peristiwa tersebut sangat penting dan bermakna?

- A Membentuk sebuah negara berdaulat
 - B Memberi penghormatan kepada British
 - C Meraikan pembentukan kabinet pertama
 - D Mengisytihar tarikh kemerdekaan negara
- 20 Tokoh berikut memberikan komitmen yang tinggi dalam menghadapi cabaran politik setelah Kerajaan Persekutuan mencapai kemerdekaan.

- Tunku Abdul Rahman
- Dato' Abdul Razak Hussein

Apakah cabaran tersebut?

- A Menggunakan kepakaran luar
 - B Melantik wakil diplomat asing
 - C Melahirkan kakitangan profesional
 - D Menggantikan jawatan pegawai Eropah
- 21 Apakah yang menjadi panduan asas sistem perundangan negara kita?
- A Mahkamah Atasan
 - B Badan perundangan
 - C Yang di-Pertuan Agong
 - D Perlembagaan Persekutuan

- 22 Antara berikut, apakah peranan rakyat bagi mewujudkan kestabilan politik dan kemakmuran ekonomi di negara kita?
- I Memupuk kerjasama dengan semua kaum
 - II Melaksanakan undang-undang negara secara berkesan
 - III Memastikan agihan sumber kekayaan negara adil
 - IV Menyokong segala usaha dan dasar kerajaan
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 23 Majlis Undangan Negeri menggubal undang-undang bagi
- A Negeri-negeri Selat
 - B Negeri-negeri Melayu Bersekutu
 - C Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu
 - D Persekutuan Tanah Melayu
- 24 Asas kepada demokrasi ialah Pilihan Raya Umum 1955.
Apakah tujuan pilihan raya diadakan?
- A Memilih pemimpin
 - B Meminda perlembagaan
 - C Menganggotai Dewan Negara
 - D Mengimbangi kuasa pemerintah

[Lihat halaman sebelah

- 25 Antara berikut, manakah berkaitan kebebasan asasi berdasarkan Perlembagaan Persekutuan?
- I Kebebasan beragama
 - II Kebebasan bersuara tanpa batasan
 - III Hak memilih ketua negara
 - IV Hak berkenaan pendidikan
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 26 Bagaimanakah sistem Raja Berperlembagaan mewujudkan mekanisme semak dan imbang dalam pemerintahan negara?
- A Meredakan pertikaian parti politik
 - B Mengekalkan status quo orang Melayu
 - C Memudahkan dasar kerajaan diluluskan
 - D Mengukuhkan pemusatan kuasa
- 27 Mengapakah peruntukan kuasa yang lebih besar diberikan kepada Kerajaan Persekutuan?
- I Menjamin kebebasan dan hak asasi rakyat
 - II Memastikan kestabilan dan kemajuan negara
 - III Membentuk Kerajaan Persekutuan yang kuat
 - IV Mewujudkan semak dan imbang dalam pentadbiran
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

- 28 Apakah peranan Majlis Negara yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan?
- A Mewujudkan peluang pekerjaan dalam pelbagai bidang
 - B Membincangkan pelaksanaan dasar yang diputuskan oleh kerajaan
 - C Melaksanakan Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen
 - D Menyelaraskan pentadbiran Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri
- 29 Pemimpin berikut telah mengadakan lawatan ke Tanah Melayu sebelum pembentukan Malaysia.

- Donald Stephens
- Temenggung Jugah Anak Barieng

Apakah tujuan lawatan tersebut?

- A Menjalin kerjasama kebudayaan
 - B Meninjau kemajuan Tanah Melayu
 - C Menyatakan persetujuan rakyat Sabah
 - D Menyampaikan pandangan rakyat peribumi
- 30 Apakah pendekatan yang digunakan oleh Malaysia untuk menangani konfrontasi yang dilancarkan oleh Indonesia?
- A Mengadakan siri rundingan
 - B Melancarkan serangan balas
 - C Mengenakan sekatan ekonomi
 - D Memutuskan hubungan diplomatik

[Lihat halaman sebelah

- 31 Maklumat berikut menunjukkan usaha kerajaan bagi mengatasi ancaman komunis.

- Operasi Hammer
- Rancangan Briggs

Apakah persamaan operasi ketenteraan tersebut?

- I Melaksanakan perintah berkurung
- II Mempengaruhi penduduk secara psikologi
- III Mengadakan kawasan hitam dan kawasan putih
- IV Memindahkan penduduk ke petempatan baharu

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 32 Jabatan Penerangan berusaha menyekat berita palsu selepas peristiwa rusuhan kaum pada 16 Mei 1969.

Apakah usaha tersebut?

- A Membentuk pasukan risikan
- B Menutup syarikat percetakan
- C Menggantung penerbitan akhbar
- D Menghalang penggunaan radio

- 33 Apakah peranan Dewan Bahasa dan Pustaka?

- A Memartabat budaya bangsa
- B Membuat penyelidikan
- C Melatih guru baharu
- D Menerbitkan buku

34 Apakah prinsip utama Dasar Kebudayaan Kebangsaan?

- A Adat resam menjadi unsur penting
- B Bahasa Melayu bahasa kebangsaan
- C Unsur kebudayaan lain tidak diterima
- D Kebudayaan rakyat asal menjadi teras

35 Maklumat berikut berkaitan langkah yang diambil dalam melaksanakan Dasar Ekonomi Baru (DEB).

- Menambah pendapatan rakyat dan pengeluaran bahan makanan
- Tumpuan kepada penggunaan tanah dengan tanaman jangka pendek

Apakah langkah tersebut?

- A Melancarkan Rancangan Buku Hijau
- B Meningkatkan program pembangunan wilayah
- C Memperkenalkan Industri Kecil dan Sederhana
- D Menubuhkan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan

36 Maklumat berikut berkaitan strategi yang dilaksanakan oleh kerajaan dalam Rancangan Jangka Panjang Kedua.

- Pembangunan wilayah
- Penyusunan semula modal saham

Apakah strategi tersebut?

- A Dasar Ekonomi Baru
- B Dasar Perindustrian Negara
- C Dasar Pembangunan Nasional
- D Dasar Kependudukan

[Lihat halaman sebelah

- 37 Maklumat berikut berkaitan negara yang menjalinkan hubungan diplomatik dengan Malaysia.

- China
- India

Apakah faktor yang mempengaruhi hubungan diplomatik tersebut?

- A Kebijaksanaan kepimpinan
 - B Keperluan nasional
 - C Persekitaran luar
 - D Ikatan sejarah
- 38 Gambar berikut merujuk kepada pelibatan Malaysia dalam pertubuhan serantau.



Antara berikut, manakah merupakan kerjasama ekonomi yang dilakukan oleh Malaysia?

- I Mengawal harga dagangan
- II Menyediakan kemudahan kredit
- III Menyokong konsep integrasi ekonomi
- IV Menawarkan potongan cukai barangan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 39 Bagaimanakah kerjasama melalui perjanjian Asean Free Trade Area (AFTA) dapat membantu ekonomi negara yang terlibat?
- A Menambat kadar mata wang
 - B Mengurangkan tarif barangan
 - C Membangunkan sistem kewangan
 - D Mempelbagaikan produk makanan
- 40 Apakah isu di Syria yang mendapat perhatian rakyat Malaysia?
- A Krisis politik
 - B Bencana alam
 - C Diskriminasi kaum
 - D Pencemaran alam sekitar

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT